



KERJASAMA: Ng (tiga dari kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Wong sambil disaksikan oleh Najib, Mohamad Hasan, Khoo dan Abdul Rahman (kanan) pada majlis usaha sama antara USCI dengan West Synergy, di Putrajaya, semalam.

UCSI Education maju hartanah pendidikan

Syarikat mahu bina kampus utama di Bandar Springhill

Oleh Zainab Mohd Yatim

UCSI Education Sdn Bhd, pengendali Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya, akan membangunkan projek hartanah pendidikan yang memabitkan pembinaan kampus utamanya, sekolah antarabangsa dan hospital di kawasan seluas 64 hektar di Bandar Springhill, Negeri Sembilan.

Presiden Kumpulan merangkap Naib Canselor UCSI, Peter Ng, berkata projek itu akan dimulakan dengan pembinaan sekolah antarabangsa Jun tahun ini, diikuti kampus utama UCSI dan hospital.

Katanya, pembinaan sekolah antarabangsa akan dimulakan dalam tempoh empat atau lima tahun lagi.

"Keseluruhan projek dijangka siap menjelang 2016," katanya yang enggan mendedahkan jumlah pelaburan bagi pembinaan projek hartanah berkenaan.

Beliau ditemui selepas majlis meterai perjanjian usaha sama antara UCSI Education dengan West Synergy Sdn Bhd, syarikat anggota Kumpulan MUI, di Putrajaya, semalam.

Majlis itu disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Hadir sama, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan, dan Pengerusi West Synergy, Wong Aun Phui.

Menerusi perjanjian itu, West Synergy, syarikat usaha antara MUI Group dengan Chin Teck Plantations Bhd, akan memajukan pembinaan projek berkenaan.

Ia juga menyerahkan tanah seluas 64 hektar yang terletak berhampiran Port Dickson, Negeri Sembilan itu kepada UCSI untuk tujuan pembinaan projek hartanah pendidikan berkenaan.

Ng berkata, sekolah antarabangsa yang akan dibina, bakal menampung pelajar sekolah rendah dan menengah.

Kampus utama, yang juga kampus keempat milik syarikat, pula akan menempatkan fakulti Sains Perubatan yang menawarkan program akademik dalam bidang perubatan, kejururawatan,

optometri dan fisioterapi.

Ia juga akan menampung pusat pengajian bagi Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Gunaan, pusat Pra-Universiti, dan pusat penyelidikan.

Ng berkata, syarikat akan membiayai keperluan kewangan pembinaan projek pendidikan itu menerusi pinjaman bank dan dana dalaman syarikat.

UCSI yang beroperasi di tiga kampus iaitu di Taman Connought (Cheras, Kuala Lumpur) yang menam-

pung 7,000 pelajar, turut memiliki kampus cawangan setiap satu di di Terengganu dan Kuching.

Sementara itu, Wong berkata, West Synergy masih memiliki 1,600 hektar tanah bersebelahan Bandar Springhill untuk tujuan pembangunan hartanah pada masa depan.

Katanya, ketika ini lokasi berkenaan menempatkan ladang sawit yang matang dan sebahagian berada pada tahap puncak pengeluaran hasil.

Beliau menyifatkan usaha sama dengan UCSI sebagai projek yang membawa manfaat bersama kepada kedua-dua syarikat, memandangkan projek pendidikan lazimnya menghasilkan limpahan ekonomi yang pesat terhadap pembangunan di persekitarannya.

Katanya, sejak 10 tahun lalu, West Synergy memajukan kira-kira 220 hektar tanah di Bandar Springhill dengan projek hartanah bercampur yang merangkumi unit kediaman, komersial dan industri.

MUI Group memiliki 60 peratus kepentingan dalam West Synergy, manakala Chin Tech memegang baki 40 peratus.

“Projek itu akan dimulakan dengan pembinaan sekolah antarabangsa Jun tahun ini, diikuti kampus utama UCSI dan hospital”

Peter Ng
Presiden Kumpulan
merangkap Naib Canselor UCSI